

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan  
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JUI 202 - Tamadun Islam 2

Masa: [ 2 jam ]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
3. Jawab soalan 1 (WAJIB) daripada Bahagian A dan mana-mana **DUA** soalan daripada Bahagian B. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

### BAHAGIAN A

Jawab soalan 1.

1. (a) Buat nota ringkas tentang tokoh-tokoh representatif dalam bidang perubatan Islam yang berikut:
  - (i) Jabir Ibnu Hayyan
  - (ii) Hunayn Ibnu Ishak
  - (iii) Abu Yusof Ibnu Ishak al-Kindi
- (b) Tuliskan dengan ringkas sejarah zaman kecemerlangan perubatan Islam.

(40 markah)

### BAHAGIAN B

Jawab mana-mana DUA soalan daripada bahagian ini.

2. Terangkan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- (a) Konsep-konsep asas fahaman Islam.
- (b) Takrif dan pengelasan sains dalam Islam.

(30 markah)

3. Firman Allah s.w.t. di dalam sebahagian daripada ayat 30 surah al-Anbiya' bermaksud: "Dan daripada air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup".

Berdasarkan petikan di atas huraikan asal usul kehidupan dan kejadian manusia.

(30 markah)

4. Huraikan erti taqwa, iman, fikir dan mengetahui berdasarkan kesesuaiannya dengan sains dan teknologinya.

(30 markah)

5. Terangkan dengan ringkas perkara-perkara berikut:

- (a) Falsafah dan teori perubatan Islam.
- (b) Al-Quran sebagai sumber ilmu teori dan ilmu sains.

(30 markah)

oooOooo